



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SELANGOR STATE TREASURY
Tingkat 2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN)
603-5544 7297 (TPWN)
603-5512 1054 (BN)
603-5521 2533 (BKP)
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>
E-mel : pwn_helpdesk@selangor.gov.my



Ruj Kami : PWN.SEL.600-5/3/6 (5)
Tarikh : 10 Zulqad'ah 1442H
21 Jun 2021

SEMUA KETUA JABATAN NEGERI
SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB NEGERI

YB Dato' / YBhg. Dato' / YAA Dato' / SS. Dato' / Tuan / Puan

ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 5 TAHUN 2021: PELAKSANAAN POTONGAN SUMBANGAN DERMA TABUNG KHAS BANTUAN COVID-19 KALI KEDUA MELALUI KAEDAH POTONGAN IMBUHAN TETAP KERAJIAN (ITK) / IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM (ITKA) DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Dimaklumkan bahawa selari dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 19/2021 dan disahkan oleh MMKN Ke 20/2021 telah bersetuju agar sebahagian Imbuhan Tetap Kerajaan (ITK) bagi Pengurusan Tertinggi dan Gred 44 hingga Gred 56 dan Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) bagi Gred 29 hingga gred 41 akan disumbangkan kepada Tabung Khas Bantuan Covid-19 Kerajaan Negeri Selangor untuk tempoh tiga (3) bulan mulai Julai 2021 hingga September 2021.

3. Sehubungan itu Surat Arahan Operasi ini adalah sebagai panduan pelaksanaan potongan ITK dan ITKA bagi anggota yang layak di Jabatan/Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing. Bersama-sama ini disertakan garis panduan untuk rujukan dan tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DR. SHAHRIL BAHRIM) C.A(M),FCMA,CGMA
Bendahari Negeri
Selangor Darul Ehsan



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO. : QMS 00760

**ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 5 TAHUN
2021: PELAKSANAAN POTONGAN SUMBANGAN DERMA TABUNG KHAS
BANTUAN COVID-19 KALI KEDUA MELALUI KAEDAH POTONGAN IMBUHAN
TETAP KERAIAH (ITK) / IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM (ITKA) DI BAWAH
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada Jabatan / Pusat Tanggung Jawab (PTJ) untuk pelaksanaan potongan sumbangan bayaran Imbuhan Tetap Keraian (ITK) / Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) Penjawat Awam berdasarkan surat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor rujukan IPK.Sel.BPSM 100-10/4/2 Jld.3(82) bertarikh 14 Jun 2021. Pelaksanaan potongan ini akan dilaksanakan selama 3 bulan iaitu pada gaji bulan Julai, Ogos dan September 2021.

1. KAEDAH PELAKSANAAN

- 1.1 Potongan ITK/ITKA ini dibuat kepada penjawat awam lantikan tetap dan kontrak yang sedang berkhidmat dan masih aktif.
- 1.2 Pelaksanaan pengurangan ini akan dilaksanakan selama 3 bulan iaitu mulai gaji bulan Julai, Ogos dan September 2021.
- 1.3 Kod potongan yang digunakan adalah 4185 – Derma Covid-19 dan penetapan sumbangan berdasarkan gred perkhidmatan seperti berikut :-

Gred	Kadar Potongan	Imbuhan
JUSA A dan ke atas	50%	ITK
JUSA B	20%	
JUSA C	10%	
44 hingga 56	5%	
29 hingga 41	RM10.00	ITKA

Nota : Kadar potongan adalah berdasarkan kadar ITK/ITKA di atas gred memangku.

- 1.4 Semua Jabatan / PTJ Gaji yang terlibat adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa potongan ITK/ITKA ini dibuat berdasarkan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor rujukan IPK.Sel.BPSM 100-10/4/2 Jld.3(82) bertarikh 14 Jun 2021.

**ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 5 TAHUN
2021: PELAKSANAAN POTONGAN SUMBANGAN DERMA TABUNG KHAS
BANTUAN COVID-19 KALI KEDUA MELALUI KAEDAH POTONGAN IMBUHAN
TETAP KERAJIAN (ITK) / IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM (ITKA) DI BAWAH
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

1.5 Pelaksanaan ini dikecualikan kepada pegawai berikut :

- i. Penjawat awam Gred 1 hingga Gred 28 dan setara; dan
- ii. Penjawat Awam yang tidak menerima ITK/ITKA.

2. BAYARAN MELALUI SISTEM EMOLUMEN BERKOMPUTER

2.1 TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB JABATAN / PTJ

i. Menyemak data berkaitan potongan elaun ITK/ITKA untuk sumbangan kepada Akaun Amanah Tabung Khas Bantuan Covid-19 yang telah dikemaskini secara Auto di fail induk kakitangan. Jabatan / PTJ boleh mula menyemak transaksi di sistem iSPEKS apabila proses perubahan gaji dibuka hingga sebelum berakhirnya tarikh akhir PTJ bagi proses gaji Julai 2021 iaitu pada 24 Jun 2021.

ii. Jika didapati terdapat kesilapan, Jabatan / PTJ hendaklah membuat pembetulan di proses perubahan gaji melalui Kew.320.

iii. Oleh kerana tempoh perubahan gaji bagi bulan Julai 2021 yang singkat dan juga pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, Jabatan / PTJ diminta mengutamakan perubahan gaji yang penting sahaja seperti peletakan jawatan, bersara, meninggal dunia, buang kerja, slip gaji akhir atau yang tidak boleh ditangguhkan ke perubahan gaji bulan hadapan.

3. BAYARAN MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN (Kew. 330E)

3.1 Jabatan / PTJ hendaklah memastikan tiada keciciran dalam potongan ITK/ITKA penjawat awam yang emolumen dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E)

3.2 Baris caj bagi potongan ITK/ITKA penjawat awam melalui Kew.330E hendaklah menggunakan Kod Amanah L1212162 - Akaun Amanah Tabung Khas Bantuan Covid-19 Kerajaan Negeri Selangor.

4. PENUTUP

Jabatan / PTJ hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam garis panduan ini dipatuhi.